

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [ IPOH TIMUR ]**

**TARIKH : 1 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN WONG KAH WOH [ IPOH TIMUR ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah kehilangan pekerjaan sejak PKP 1.0 pada Mac 2020 yang lepas. Nyatakan status pembayaran Elaun Kehilangan Pendapatan dan jumlah yang mendapat manfaat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan statistik Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO, jumlah kehilangan pekerjaan sejak 18 Mac 2020 hingga 25 Oktober 2021 adalah seramai 147,371 orang.
2. Berdasarkan statistik SIP PERKESO juga, sejak PKP 1.0 pada 18 Mac 2020 hingga 25 Oktober 2021 seramai 118,123 orang telah menerima manfaat melibatkan bayaran Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) yang telah disalurkan berjumlah RM 540.35 juta.